

**Data kutipan cukai tidak disimpan berdasarkan komposisi kaum - LHDN**  
**Astro Awani**  
**27 Ogos 2019**

KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menafikan wujud pembentangan kertas putih di Parlimen membabitkan laporan jumlah sumbangan cukai berdasarkan komposisi kaum di Malaysia seperti yang tersebar menerusi media sosial, baru-baru ini.

Menurut LHDN, maklumat pembayar dan data kutipan cukai tidak disimpan berdasarkan komposisi kaum serta bangsa, selari prosedur operasi standard yang ditetapkan pihaknya.

"LHDN ingin menegaskan bahawa tiada pembentangan kertas putih sedemikian yang melibatkan laporan berhubung dengan jumlah sumbangan cukai berdasarkan komposisi kaum dan bangsa di Malaysia di Parlimen oleh LHDN seperti dinyatakan dalam saluran media-media sosial tersebut.

"Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) LHDN, maklumat pembayar cukai dan data kutipan cukai tidak disimpan berdasarkan komposisi kaum dan bangsa," kata kenyataan itu lagi yang mengesahkan maklumat itu tidak benar dan bukan daripada sumber LHDN.

Tambahnya, data dan maklumat pembayar cukai yang direkodkan dalam sistem LHDN dikategorikan mengikut komponen pembayar cukai, membabitkan cukai individu serta syarikat.

Pecahan mengikut lapan komponen ini boleh disemak di portal rasmi LHDN, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) dan siaran media Kementerian Kewangan.

LHDN juga menasihati orang ramai agar tidak menyebarkan maklumat tidak tepat bagi mengelakkan kekeliruan serta salah faham.

**© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.**

**(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/data-kutipan-cukai-tidak-disimpan-berdasarkan-komposisi-kaum-lhdn-216019>